

04 DEC 1999

Mahathir-Russia

JALINKAN PERKONGSIAN DENGAN SYARIKAT RUSIA, KATA DR MAHATHIR

LANGKAWI, 4 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta syarikat-syarikat aeroangkasa tempatan supaya menjalinkan perkongsian dengan firma-firma Rusia yang berkemahiran di dalam bidang itu.

Perdana Menteri berkata lebih banyak perkongsian dengan syarikat-syarikat Rusia akan dijalinkan pada masa depan kerana mereka melihat Malaysia sebagai rakan kongsi yang baik di rantau ini.

"Ahli-ahli perniagaan kita di dalam industri aeroangkasa perlu melihat kepada syarikat Rusia juga untuk mengetahui banyak mana mereka boleh menyumbang kepada pengetahuan kita mengenai penerbangan dan bagaimana kita dapat bekerjasama dengan mereka," katanya pada persidangan berita di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri di sini.

Dr Mahathir berkata mereka juga harus mengkaji kemungkinan untuk bekerjasama dalam pemasaran produk Rusia di rantau ini.

Kepada satu soalan, Perdana Menteri berkata kemudahan di kilang pengeluaran pesawat KNAAPO di Khabarovsk adalah sangat mengagumkan. Beliau melawat kilang itu semasa lawatannya ke wilayah-wilayah Rusia pada Ogos lepas.

KNAAPO, yang mengeluarkan pesawat awam dan tentera termasuk pesawat pejuang Sukhoi 30KI yang dipamerkan di sini, adalah antara 50 syarikat Rusia yang mengambil bahagian dalam pameran itu. Rusia adalah kumpulan peserta paling besar di LIMA'99.

Sambil berkata tiada perjanjian pembelian senjata dibuat pada pameran LIMA itu, Dr Mahathir berkata, "tetapi ada banyak cadangan untuk menjual kapal terbang dan peralatan perang tapi kita nak kajilah, tengok kalau ada keperluan, kita akan membeli."

Beliau berkata Malaysia memerlukan peralatan untuk tugas-tugas pengamanaan dan juga perlu sentiasa mengikuti kemahiran berkenaan.

"Kita tidak boleh biarkan angkatan tentera terabai, mereka perlu mengetahui perkembangan yang terkini. Angkatan tentera bukan sahaja akan menjadi padat malah mempunyai kelengkapan sempurna," katanya.

Pameran enam hari itu, yang menarik kira-kira 1,000 syarikat tempatan, serantau dan antarabangsa, dibahagikan kepada dua segmen -- segmen maritim anjuran HW LIMA dan segmen aeroangkasa yang dikendalikan oleh LIMA Le Proton.

-- BERNAMA

TM/GM NAK